

## **BOLEHKAH KITA MENABUNG SAMBIL BERBELANJA?**

Oleh: Siti Zulaikha binti Mohd Zuki, 1171789,

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*Disiarkan pada 23 Ogos 2020*



Pada bulan Mei lalu, saya telah menerima mesej melalui telefon daripada seorang sahabat yang menuntut di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang bernama Nur.

Dia bertanya, “Zulaikha tambah nilai di telefon atau bayar bil pernah dapat wang tunai (*cash points*) tak?”

Kemudian, dia menerangkan tentang manfaat satu aplikasi yang menyebabkan saya terfikir, “Oh, maksudnya dengan aplikasi ini dapat membeli sambil menabung la kan.”

Maka, saya mula mencari maklumat mengenai aplikasi tersebut sebelum mengambil keputusan menggunakannya. Aplikasi yang saya maksudkan adalah *My Smart Shopper*.

Ketika PKP berlangsung, keadaan ekonomi negara sangat terjejas. Saya nampak bahawa aplikasi ini dapat memberi kebaikan kepada masyarakat Malaysia dari segi penjimatan wang.

Portal *My Smart Shopper* telah menerangkan tentang kebaikan penggunaan aplikasi ini secara umum antaranya, penjimatan apabila berbelanja, pendaftaran percuma dan terdapat banyak kedai yang menggunakan aplikasi tersebut.

Bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam, saya mengikuti pratonton mengenai aplikasi tersebut yang diadakan secara dalam talian oleh Muhd Irwan atau dikenali sebagai RP BLACK.

Dia mengatakan bahawa setiap pembelian yang kita lakukan melalui aplikasi *My Smart Shopper*, kita akan mendapat wang dalam bentuk digital.

Katanya, kita boleh membuat pembelian menggunakan wang digital itu di kedai berhampiran dan juga kedai dalam talian.

Manfaat aplikasi ini dapat menjimatkan lagi wang semasa berbelanja kerana kita dapat menggunakan wang digital itu untuk melakukan pembelian berikutnya.

Sebagai umat Islam, setiap apa yang kita lakukan mestilah selari dengan syariah, sekali gus menjadikan kita seorang hamba yang taat dan patuh akan perintah yang ditetapkan oleh Allah SWT.

Namun, sebagai pengguna Muslim kita mesti tertanya-tanya adakah aplikasi *My Smart Shopper* patuh syariah atau tidak?

Bagi menjawab persoalan itu, berdasarkan pemerhatian saya melalui portal *My Smart Shopper*, aplikasi tersebut merupakan salah satu platform di bawah syarikat Isynergy yang telah menerima sijil patuh syariah.

Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhi Ab. Majid merupakan penasihat syariah dalam syarikat itu.

Ternyata aplikasi *My Smart Shopper* adalah patuh syariah dan perkara ini memperkukuhkan lagi keyakinan saya untuk menggunakannya.

Memang menguntungkan apabila menggunakan aplikasi ini kerana ia membantu kita menabung dengan bijak ketika berbelanja.

